

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 13 MAC 2014 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Guru Sains, Matematik perlu tingkat minat	Utusan Malaysia
2.	Pembenihan awan masih ditangguh ekoran misi SAR pesawat MAS yang hilang	KOSMO
3.	Water levels in damns contiuue to drop	The Malay Mail
4.	Cloud seeding on hold with aircraft in search operations	The Malay Mail
5.	Air quality worsening in Selangor, Seremban	The Star
6.	Air empangan terus menyusut	Berita Harian
7.	Amaran angin kencang, laut bergelora sehingga 18 Mac	Bernama.com

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 13**  
**TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)**

Guru Sains,  
Matematik perlu  
tingkat minat

KUALA LUMPUR 12 Mac - Guru Sains dan Matematik perlu mengamalkan budaya kerja cemerlang bagi merealisasikan misi kerajaan untuk menjayakan program transformasi dan pembaharuan dalam bidang pendidikan negara.

Ketua Pegawai Eksekutif, Akademi Sains Malaysia (ASM), Dr. Ahmad Ibrahim berkata, penurunan prestasi pelajar dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut berkaitan dengan kegagalan guru menunjukkan minat mereka secara mendalam ketika proses pengajaran di sekolah.

"Saya melihat guru lebih banyak membaca daripada buku teks dan tidak menunjukkan minat untuk mengajar dan cara itu perlu diubah, jika guru sendiri gagal meyakinkan pelajar, bagaimana pelajar mahu memahami sekali gus menjadikan bidang sains dan matematik sebagai satu kerjaya cerah pada masa hadapan.

"Guru perlu mempelbagai teknik dan cara baharu dalam pembelajaran untuk menarik minat pelajar," katanya ketika ditemui selepas rakaman program perbincangan meja bulat Anugerah Merdeka Keenam di Petrosains, di sini hari ini.

## Pembenihan awan masih ditangguhkan ekoran misi SAR pesawat MAS yang hilang

**KUALA LUMPUR** - Usaha pembenihan awan masih ditangguhkan kerana pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) digunakan bagi memberi tumpuan dalam operasi mencari dan menyelamat (SAR) pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 yang hilang sejak Sabtu lalu.

Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Azhar Ishak berkata, sebarang rancangan untuk pembenihan awan kini tertakluk kepada TUDM yang akan memaklumkan pihaknya jika mempunyai pesawat yang boleh digunakan bagi tujuan itu.

"JMM cuma memantau operasi pembenihan awan dan hanya boleh meneruskannya jika ada pesawat yang boleh digunakan sama ada daripada TUDM



PROSES pembenihan awan ditangguhkan berikutan pesawat TUDM digunakan dalam operasi mencari dan menyelamat pesawat MAS yang masih hilang sejak Sabtu lalu. - Gambar hiasan

atau pihak swasta.

"Kita jangka cuaca akan semakin lembap mulai pertengahan bulan ini sehingga April depan secara perlahan-lahan tetapi

jika bekalan air masih berkurangan, JMM tetap akan lakukan pembenihan awan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau mengulas penangguhan operasi pembenihan awan sejak 9 Mac lalu bagi menumpukan perhatian kepada misi mengesan pesawat MH370 yang didapati hilang bersama 227 penumpang dan 12 anak kapal sekitar 1.30 pagi pada 8 Mac lalu.

Dalam pada itu, Azhar menjelaskan, pihaknya bersedia sepanjang tahun untuk melakukan pembenihan awan di kawasan-kawasan yang menghadapi cuaca kering berpanjangan.

"Peralihan angin Timur Laut ke angin Barat Daya bulan ini akan meningkatkan kelembapan tetapi hanya untuk seketika kerana bulan Jun hingga Ogos dijangka kembali kering seperti tempoh sama tahun lalu," ujarnya.

Sehingga kini, negara masih dilanda musim panas dan kering sejak Januari lalu.

KERATAN AKHBAR  
THE MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 10  
TARIKH: 13 MAC 2014 (KHAMIS)

## Water levels in dams continue to drop



GOING DOWN: The dam level at Sungai Selangor was at 40.99 per cent yesterday

By **AMANDA MURTHY**  
amanda@mmail.com.my

THE water level in all dams in Selangor continue to decrease with the dam at Sungai Selangor giving the authorities cause for concern.

Yesterday, the level at Sungai Selangor was 40.99 per cent compared to 43.87 per cent a week ago.

A Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) spokesman said the control level for water dams should not go below 45 per cent.

"Anything lower would be worrying," he said.

The authorities are hoping there would be a break in the dry season as the **Meteorological Depart-**

**ment** has forecast rain in Selangor tomorrow.

The water levels at the other dams in in Batu was 90.78 per cent (91.09 last Thursday), Klang Gates 51.72 per cent (52.70), Langat 62.39 per cent (67.16), Semenyih 78.15 per cent (81.66), Sg Tinggi 71.79 per cent (75.17) and Tasik Subang 92.10 per cent (95.28).

The state government had decided on March 6 to kick off phase three of the water rationing to improve raw water emission reduction from 200 million litres per day (MLD) to 500 MLD from the Sungai Selangor dam and 30 MLD from the Klang Gates dam.

The National Water Services Commission (SPAN) approved the

third stage of the water rationing exercise which started on Monday and is scheduled for a two-day on two-day off pattern until March 31.

The rationing exercise affects almost 2.9 million users in Gombak, Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Kuala Selangor and Hulu Selangor.

**KERATAN AKHBAR**  
**THE MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 10**  
**TARIKH: 13 MAC 2014 (KHAMIS)**

## Cloud seeding on hold with aircraft in search operations

By **FAIZAL NOR IZHAM**  
faizal.nor@mmail.com.my

CLOUD seeding operations have been put on hold because the aircraft belonging to the **Meteorological Department** has joined the search and rescue operations for Flight MH370.

The department's director of atmosphere science and cloud seeding, Azhar Ishak, said their

single C-130H Hercules aircraft had joined the search and rescue operations since Sunday.

"We've not been informed when it will return, as we don't know when the operations will end," he said.

"However, it could return in maybe three or four days. And then priority (to use it) will be given to us again."

He said the cloud seeding was planned to be done until mid-

March, as the monsoon transition period would see winds shifting from the northeast to the southwest.

"We initially wanted to carry out cloud seeding from March 9 to March 16. It also depends on atmospheric conditions."

According to him, a local private company called AF Jets is contracted under the department to help conduct cloud seeding activities.

"They offer the services of a single aircraft. However, it needs to undergo flight testing next week. If all goes well, we can use it right away," he said.

According to the Meteorological Department's website, Malaysians can generally expect showers from Friday onwards.

Selangor, Putrajaya and Kuala Lumpur can expect isolated showers everyday from Friday to Tuesday next week.

## Air quality worsening in Selangor, Seremban

**PETALING JAYA:** Unhealthy air levels have been recorded in Port Klang, Nilai, Banting, Putrajaya, Cheras, Kuala Selangor and Seremban.

According to the Department of Environment's website, the air pollutant index (API) in Port Klang was 142 as at 5pm yesterday.

At noon, the reading in Port Klang was 132, progressively increasing to 133 at 1pm, 135 at 2pm, 136 at 3pm and 139 at 4pm. In Nilai, the API reading was 107 from noon to 2pm, rising to 108 at 3pm, 112 at 4pm and 118 at 5pm.

Banting experienced moderate API readings before 2pm but the air quality worsened to 113 at 3pm, 135 at 4pm and 107 at 5pm.

Putrajaya, Cheras, Kuala Selangor and Seremban experienced moderate readings early yesterday



**Poor visibility:** The Kesas Highway shrouded by heavy haze.

but the air quality worsened later.

At 5pm yesterday, API levels in Putrajaya was 110, Cheras 108, Kuala Selangor 104 and Seremban 102.

An API reading of between 0 and 50 is considered good, 51 to

100 moderate, 101 to 200 unhealthy, 201 to 300 very unhealthy, and 301 and above hazardous.

Unhealthy API levels may cause chest discomfort, coughs and shortness of breath.

**Meteorological Department**

**national weather centre director Muhammad Helmi Abdullah** said it was not unusual for parts of Malaysia to experience hazy conditions during this time of the year as it was the dry season due to the end of the north-east monsoon season.

## Pembangunan, penerokaan hutan mengganggu sistem alam jejas kawasan tadahan

**K**risis bekalan air di beberapa negeri terutama di Selangor dan Lembah Klang masih berlarutan dan belum menunjukkan tanda kembali pulih dalam tempoh terdekat.

Walaupun Jabatan Meteorologi sudah melakukan kerja pembenihan awan bagi mencetuskan hujan, namun ia masih belum cukup untuk membantu meningkatkan paras air di beberapa empangan di Selangor yang semakin menghampiri paras minimum.

Selain di Selangor, negeri yang mencatatkan paras air empangan yang semakin menurun ialah Negeri Sembilan, Kedah dan Johor, tetapi masih belum sampai ke peringkat mencatu bekalan air seperti yang berlaku di Selangor.

Di Selangor dan Lembah Klang, antara punca catuan air terpaksa dilakukan ialah pertambahan penggunaan yang pesat dan drastik, kuantiti bekalan air terawat berkurangan dan paling nyata adalah kewalahan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 (Langat 2) yang sepatutnya beroperasi pada 2010.



**ANWAR PATHO ROHMAN**

wanawar@bh.com.my

### Gangguan bekalan air

Ketiadaan hujan sejak beberapa bulan lalu seperti di Negeri Sembilan dan Kedah, menyebabkan beberapa empangan mengalami kemerosotan kuantiti sekali gus mengakibatkan sesetengah kawasan mengalami gangguan bekalan air.

Akibatnya, kawasan di sekitar Gemas, Negeri Sembilan kini mengalami catuan air sama seperti yang dialami penduduk di sekitar Kluang, Johor yang mana catuan dilakukan berikutan keupayaan Loji Rawatan Air Sembrong Timur membekalkan air semakin berkurangan.

Catuan air terpaksa dilakukan di Gemas selepas sumber air dari Sungai Ulu Muar untuk dibekalkan ke Loji Sungai Gemencheh susut mendadak ekoran cuaca panas.

Apa yang pasti, ketiadaan hujan bukan saja mencetuskan kemarau di seluruh negara, bahkan menyebabkan paras kebanyakan empangan mulai merosot seperti dinyatakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

JPS baru-baru ini merekodkan beberapa empangan seperti Em-



# Air empangan terus menyusut

Paras air Empangan Gemencheh, Negeri Sembilan, susut mendadak berikutan cuaca panas.

[FOTO IHSAN SAINS]

pangan Bukit Kwong, Kelantan; Empangan Tasik Subang dan Empangan Genting Klang di Selangor serta Empangan Sembrong dan Empangan Bekok di Johor, merekodkan paras air sederhana dan tidak membimbangkan.


Di Negeri Sembilan misalnya, cuaca panas menyebabkan paras air beberapa empangan menyusut menghampiri paras kritikal, antaranya Empangan Kelinchi yang sebelum ini berada pada paras 199.85 meter, satu meter menghampiri paras kritikal, 198.3 meter.

Empangan itu penting kerana bekalannya disalurkan menerusi terowong kepada Empangan Sungai Terip di Seremban, yang menjadi sumber air penduduk kawasan barat Negeri Sembilan meliputi Seremban, Nilai, Bandar Enstek, Labu dan Sendayan.

Apabila kemarau terjadi, Empangan Kelinchi dan Sungai Terip tidak dapat beroperasi seperti biasa, maka pelan tindakan khas terpaksa dilakukan Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS) seperti mengaktifkan semula paip lama di kawasan tertentu.

Soalnya kini, selama manakah empangan yang wujud hari ini perlu bergantung kepada air hujan di samping mendapat bekalannya daripada sungai di bahagian hulu atau kawasan tadahan air.

Boleh dikatakan, setiap kali berlaku musim kering atau panas ketika Monsun Barat Daya bertuip, setiap kali itu juga masalah em-



Paras air di Empangan Sembrong Timur yang semakin menyusut.

[FOTO ADNAN IBRAHIM/BH]


pangan mengering timbul dan lanjutan itu, gangguan bekalan air juga akan berlaku.

### Fenomena kurang hujan, panas

Perubahan tiupan angin monsun memang tidak dapat dinafikan mampu membawa kepada perubahan mikro cuaca yang menyebab-



**SAMBUNGAN...**  
**BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 31**  
**TARIKH: 13 MAC 2014 (KHAMIS)**



Antara pelan tindakan khas itu ialah mengepam air dari sungai ke kolam takungan, mengaktifkan semula rumah pam atau kolam takungan yang sudah lama tidak beroperasi untuk digunakan semula bagi mengumpul air, memasang jajaran paip air baru, menempatkan tangki statik dan menghantar lori tangki air ke kawasan yang mengalami gangguan air sama ada berjadual atau tidak.

Namun, beberapa pakar air dan tanah berpendapat, fenomena kuantiti air di empangan menyusut bukan saja disebabkan cuaca panas, bahkan disebabkan kuantiti air kawasan tadahan air semakin berkurangan terutama yang berdekatan empangan.

Mereka berpendapat, selain daripada masalah air yang bertakung di permukaan bumi mengering kerana tersejat ke udara akibat suhu panas, pengurangan isi padu air bawah tanah juga disebabkan kerja penerokaan hutan di kawasan tadahan air untuk tujuan komersial terutama pembalakan atau perladangan.

Menurut Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran, antara punca cuaca kering yang melanda negara hari ini agak luar biasa adalah disebabkan perkembangan pesat secara massa dan penebangan hutan yang begitu meluas.

Dua faktor ini katanya memberikan 'kuasa' kepada kemarau atau musim kering 'menyerang' manusia secara berterusan.

"Hutan semula jadi yang tidak terganggu berfungsi mengawal iklim tempatan sehingga 90 peratus. Apabila hutan ditebang untuk pembangunan, pembalakan dan aktiviti lain, fungsi ini dikurangkan secara drastik dan ia akan mengganggu sistem kitaran alam semula jadi," katanya.

Justeru, AWER katanya menyarankan semua kerajaan negeri meletakkan kawasan tadahan air (termasuk hutan, sungai dan tasik) sebagai rizab kekal menjelang akhir 2015.

Sementara itu, pakar kesuburan dan pengurusan tanah di Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Ahmad Husni Mohd Hanif yang menjelaskan, paras air di kebanyakan kawasan empangan akan menyusut jika tanah di sekitarnya yang menjadi kawasan tadahan hujan diteroka atau dibangunkan.

**Kesan penerokaan hutan kepada sumber tadahan**  
 Katanya, penerokaan tanah yang sepatutnya menjadi kawasan tadahan hujan sama ada bagi tujuan pembalakan, pertanian atau perladangan memberi kesan kepada sumber air dalam tanah atau sungai berhampiran.


"Apabila kawasan hutan yang menjadi tadahan air diteroka, terutama di kawasan berhampiran empangan atau sungai, memang ia akan mengurangkan sumber air yang sepatutnya boleh mengalir ke sungai atau empangan.  
 "Jika ini terjadi, memang paras

kan berlakunya fenomena kurang hujan dan cuaca panas di negara ini.

Perubahan ini semua memang memberi kesan nyata kepada sumber air di bumi khususnya sehingga menyebabkan isi padu air di kawasan tadahan hujan, sungai dan empangan menyusut akibat ter-

sejat kerana cuaca panas.

Fenomena yang berlaku inilah yang menyebabkan kuantiti air di kawasan empangan menyusut, sekali gus memaksa syarikat operator air terpaksa merancang dan melaksanakan pelan tindakan khas yang bersesuaian bagi menghadapi musim kemarau.



Penduduk di Lembah Klang menerima **catuan air** bagi menampung **kekurangan bekalan.**

**"Apabila kawasan hutan yang menjadi tadahan air diteroka, terutama di kawasan berhampiran empangan atau sungai, memang ia akan mengurangkan sumber air yang sepatutnya boleh mengalir ke sungai atau empangan"**

**Ahmad Husni Mohd Hanif**  
 Pakar kesuburan dan pengurusan tanah UPM



**"Apabila hutan ditebang untuk pembangunan, pembalakan dan aktiviti lain, fungsi ini dikurangkan secara drastik dan ia akan mengganggu sistem kitaran alam semula jadi"**

**S Piarapakaran**  
 Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia

air di empangan akan menyusut sama ada secara drastik atau secara perlahan-lahan. Inilah yang akan menyebabkan kapasiti bekalan air mentah untuk disalurkan ke loji rawatan menjadi sedikit, sekali gus boleh menyebabkan bekalan air terawat menjadi terhad untuk disalurkan kepada pengguna," katanya.

Antara empangan yang mengalami masalah ini ialah Empangan Gemencheh di Negeri Sembilan yang mana, tidak jauh daripada empangan itu, kawasan tadahan air di sekelilingnya adalah hak milik persendirian dan diteroka untuk tanaman sawit.

Hal ini kata seorang pegawai SAINS akan menyebabkan air sungai yang mengalirkan air ke empangan berkenaan semakin berkurang, manakala saiz sungai semakin mengencil dan dasarnya menjadi cetek akibat hakisan.

Apa yang menjadi masalah kepada syarikat operator air pada hari ini ialah sebahagian hutan diteroka di kawasan tadahan hujan adalah tanah milik persendirian seperti dimiliki syarikat perladangan terkemuka negara.

Dalam hal ini, syarikat operator air dan kerajaan negeri tidak mempunyai hak dari sudut perundangan untuk meminta atau mengarahkan pemiliknya daripada berhenti meneroka atau menebang pokok walaupun ia boleh menjejaskan sumber air pada masa depan.

**Pelan strategik pengurusan air**  
 Kesimpulannya, pengurusan bekalan air yang bermula daripada peringkat menjaga dan memelihara kawasan sumber air semula jadi, pemprosesan, rawatan dan pengalihan amat memerlukan pelan strategik serta bersepadu dengan dikuatkuatkan dengan aspek penguatkuasaan undang-undang.

Kerjasama di antara syarikat operator air, kerajaan negeri, Kerajaan Pusat dan agensi seperti Suruhanjaya Pengurusan Air Negara, Badan Kawal Selia Air dan Pengurusan Aset Air Berhad juga perlu lebih telus.

Sementara itu, dasar air kebangsaan perlu dikuatkuasakan sepenuhnya seperti menstruktur semula industri perkhidmatan air, bagi meningkatkan lagi tahap infrastruktur perkhidmatan air, teknologi dan perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna.

Pada masa ini, Selangor, Kedah, Terengganu, Pahang, Kelantan dan Labuan masih belum melengkapkan proses penstrukturkan perkhidmatan air.

Enam negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perlis, Pulau Pinang dan Perak sudah muktamadkan penstrukturkan perkhidmatan air.

Kelewatan menguatkuasakan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA) dibimbangi memberikan kesan teruk kepada pembangunan infrastruktur perkhidmatan air dan juga pengurusan situasi seperti krisis air semasa yang disebabkan musim panas ketika ini.



BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 13 MAC 2014 (KHAMIS)



## Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Sehingga 18 Mac

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama)-- Angin kencang Timur Laut dan laut bergelora dijangka melanda perairan Sarawak (Bintulu dan Miri), Wilayah Persekutuan Labuan serta Sabah (pantai barat, Pedalaman dan Kudat) dan dijangka berterusan hingga Selasa, 18 Mac.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** dalam kenyataan di sini Rabu berkata keadaan angin dengan kelajuan antara 40 hingga 50 kilometer sejam dan ombak melebihi 3.5m itu berbahaya kepada semua bot kecil, rekreasi laut dan aktiviti sukan laut.

Pada masa sama, keadaan angin kencang dan laut bergelora diramal turut melanda Sarawak (Bintulu dan Miri), Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah (pantai barat dan Kudat), Condore, Reef North, Layang-Layang dan Palawan.

Ketampakan rendah kurang dari lima kilometer di sekitar perairan Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor Barat, Selat Melaka Utara dan Selat Melaka Selatan adalah disebabkan oleh jerebu. Keadaan ini dijangka berterusan sehingga Ahad, 16 Mac.

"Keadaan ini berbahaya kepada kapal-kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA